

# UKM FC sedia lakar sejarah

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

**K**ELAB bola sepak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM FC) tidak mahu mendabik dada, sebaliknya lebih selesa dengan status *underdog* menjelang pertemuan menentang Terengganu FC II (TFC II) pada aksi final Piala Cabaran 2018 buat julung-julung kalinya di Stadium Shah Alam malam ini.

Ketua jurulatih UKM FC, Sulaiman Husin mengakui pasukan lawan dari Pantai Timur itu memiliki kelebihan berdasarkan rekod pertemuan mereka dalam saingan Liga Malaysia (Liga M) musim ini.

"Kami telah bertemu dengan TFC II sebanyak empat kali pada musim ini dan kami tewas tiga kali, manakala seri satu perlawanan. Namun, saya akui di pentas final apa sahaja boleh berlaku."

Meskipun mereka (TFC II) menduduki tangga tercorot Liga Premier musim ini, ia bukan penanda aras yang sebenar kerana kedua-dua pasukan menunjukkan prestasi baik pada penghujung musim khususnya dalam saingan Piala Cabaran.

"Justeru, saya anggap peluang



PASUKAN UKM FC lebih selesa diletakkan sebagai pasukan bukan pilihan pada aksi final Piala Cabaran 2018 menentang TFC II di Stadium Shah Alam, Selangor malam ini.

kedua-dua pasukan seimbang tetapi saya lebih selesa sekiranya pasukan kami dianggap sebagai *underdog* di pentas final kali ini," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

semalam.

Sebagai rekod, pasukan yang terkenal dengan jolokan *The Varsity Boys* itu berjaya mara ke pentas final untuk merebut trofi

sulung musim ini dengan menewaskan pasukan pilihan, Johor Darul Ta'zim II (JDT II) pada aksi separuh akhir minggu lalu.

Sulaiman turut mengakui pe-

FINAL PERTAMA  
PIALA CABARAN

JADUAL PERLAWANAN

UKM FC	lwn	TFC II
Stadium Shah Alam, 9 mlm		

ning kepala bagi memikirkan kesebelasan terbaik memandangkan kesemua pemain utamanya cukup bermotivasi sepanjang sesi latihan.

"Kesebelasan utama pasukan pada aksi final esok (nanti) masih belum muktamad kerana ada pemain yang masih belum cergas sepenuhnya. Secara keseluruhan, barisan pemain cukup bermotivasi dan bersemangat untuk mengharungi final pertama mereka tahun ini.

"Taktikal dan formasi juga saya belum tentukan kerana ada beberapa analisis perlu saya lakukan memandangkan pasukan lawan memiliki pemain-pemain berkualiti seperti Akanni Sunday Wasiu dan Andrew Baptiste Jean.

"Apa yang penting buat pasukan adalah menggunakan kelebihan beraksi di laman sendiri dan elakkan benteng daripada dibolosi," katanya.